

# Nik Aziz minta rujuk

BH 7 JUL 2001

KOTA BHARU, Jumaat - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, tidak akan melayan sebarang persoalan yang ditimbulkan diihak tertentu berhubung isu pindaan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri yang diluluskan Dewan Undangan Negeri (DUN) 25 Jun lalu.

Ini kerana, katanya, apa yang dilakukan kerajaan negeri tidak mempunyai kaitan masalah politik te-

tapi lebih kepada aspek pentadbiran.

Nik Abdul Aziz berkata, sebarang persoalan yang timbul berhubung isu itu hendaklah dirujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membentangkan pindaan Perlembagaan Persekutuan di Parlimen pada 1994.

"Tak pasal-pasal ada pihak yang keruhkan suasana. Saya tak mahu heretkan diri saya kepada men-

jawab soalan-soalan berbentuk politik dalam masalah ini kerana orang ni Umno pun tidak... sampai kiamat pun tak akan berhenti bercakap.

"Betul-betul kami buat serupa dengan apa yang dikehendaki (Kerajaan) Pusat... sebagai sebuah negeri demokrasi berdasarkan federalisme," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kedai Sistem Gadaian Islam Ar-Rahnu

cawangan Kota Bharu 2 di sini, hari ini.

Sebagai negeri Persekutuan, beliau yang juga Mursyidul Am Pas berkata, Kelantan mesti mematuhi peraturan yang dibuat pada peringkat Pusat.

Beliau turut mengedarkan surat terbuka bertulis kepada orang ramai yang menghadiri kuliah minggunya di bangunan Pas negeri di sini, hari ini.

Antara lain, Nik Abdul

## persoalan kepada PM

Aziz mengajak rakyat supaya menghargai nikmat perpaduan dan ketenangan sedia ada yang tidak pernah dirasakan sebelumnya.

"Alhamdulillah, pertentangan antara parti semakin reda, hubungan antara kaum semakin kukuh. Pembangunan daripada Pusat semakin bertambah tanpa apa-apa gangguan," katanya.

Beliau turut menyentuh isu perhimpunan anjuran Majlis Tindakan Rakyat Ke-

lantan (MTRK) di Padang Garong, 2 Julai lalu sambil menyifatkannya sebagai cubaan 'mengeruhkan semula air yang sudah lama dijernihkan bertahun-tahun'.

Nik Abdul Aziz meminta pengikutnya supaya mengelak daripada menghadiri perhimpunan yang tidak membawa kepada peningkatan ilmu atau menghadiri perhimpunan yang tidak mengukuhkan silaturahim.

DUN Kelantan meluluskan pindaan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan bagi mengehendak kuasa Sultan pada 25 Jun lalu menerusi cadangan yang dibentang oleh Nik Abdul Aziz dan dipersetujui 40 daripada 42 anggota Dewan.

Dua anggota mewakili Barisan Nasional (BN) iaitu Norzula Mat Diah (Paloh) dan Mohamad Saufi Deraman (Galas) tidak menghadiri persidangan.